

# kafe ahad

Negara-tiba-tiba digemparkan dengan isu bendera lintang berbucu lima membolehkan Juru Gemilang ketika majlis perasmian Kejohanan Bola Keranjang kali ke-31 anjuran Persekutuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), Selasa lalu.

Bukan sekali ini sahaja berlaku malah sudah kerap kali Jalur Gemilang dibina sebegini.

Kedua bertumbuh punca apabila pihak tertentu pula membawa pulang akaibeha pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) Chio Peng sekali gus mewujudkan kemarahan rakyat selepas perubahan ribu anggota keselamatan dan rakyat negara ini mast di langgan penggunaan komunis.


Sengaja atau tidak, itu lah yang menjadi persoalan kali ini.

Bagi menghidupkannya, ikut wawancara wartawan, MOHAMAD FAHD RAHMAT, juruganda HALIMTON SAADIAH MELAIMAN dan jurucidea NOR FARIZAN ABULL RAHMAN bersama Felo Utama Bersama Institut Kajian Etnik (IKEn) & Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) PROF DATUK DR TEO KOK SEONG.

## BENDERA BINTANG BERBUCU LIMA

Oleh itu, tindakan perundangannya hendaklah bersifat pementoran dan sebatan mandatori, dan tiada lagi denda walaupun jumlahnya besar sekali

Prof Datuk Dr Teo Kok Seong



SEMUA INI BERLAKU KERANA

TIADA TINDAKAN TEGAS

Bintang lima bucu menyamai bintang yang terdapat pada bendera komunis. Apa komen Prof?

Tidak dapat dinafikan sebilangan negara dan pertubuhan komunis, menggunakan bintang lima bucu sebagai lambang kekuasaan mereka.

Sebenarnya bintang biasa ini yang berbucu lima juga digunakan banyak entiti bukan komunis.

Beberapa negeri di Malaysia juga menggunakannya sebagai lambang kedaulatan negeri masing-masing dan ia tertera pada bendera negeri berkenaan.

Antaranya Selangor, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan yang menggunakannya bersama-sama bulan sabit.

Pada kelazimannya, bintang biasa yang berbucu lima digunakan sebagai lambang mengenai perkara-perkara positif.

Antaranya, boleh membawa tuah dan kemakmuran, selain kepercayaan teguh kepada sesuatu yang dipregang.

Jalur Gemilang dengan bintang lima bucu dilihat banyak pihak sebagai cubaan untuk pengaruh komunis bertapak semula. Adakah ada kebenarannya?

Kemungkinan itu ada, hak kata pepatah, rambut sama hitam, haii lain-lain.

Apapun, kita perlu berwaspada terhadap percubaan ini pada setiap masa agar keharmonian sosial sentiasa wujud.

Lebih penting lagi, kedaulatan negara ini harus dipertahankan supaya ia terus berbentuk raja berperlembagaan dengan demokrasi berparlimen.

Sebarang percubaan ini hendaklah kita halang habis-habitan kerana tidak diterima rakyat yang sudah menolaknya semasa zaman ancaman komunis.

Sebenarnya, ia bukan sistem politik dan pemerintahan bestari untuk diamalkan sebab tidak dapat pun memberi kesejahteraan kepada rakyat dan kemajuan negara.

Saya kira pada masa yang sama, pihak polis dan tentera kita, melalui pasukan perisik dan pengintipan mereka, semantiasa memantau perkara ini.

Insiden bintang lima bucu ketika perasmian Kejohanan Bola Keranjang kali ke-31 Persekutuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) boleh dianggap bukan isu baru kerana sebelum ini insiden sama pernah berlaku. Adakah ia disengajakan?

Insiden ini boleh dikatakan disengajakan. Dalam erti kata lain, ia dilakukan secara sedar melalui usaha reka bentuk sebegini, iaitu bintang biasa yang berbucu lima dan jukun jalur merah dan putih berselang seli sebanyak 14 kali atau menyelongkar strimanan lama untuk memperoleh corak sedemikian.

Sebenarnya, adalah amat mudah sekali untuk kita mengakses gambar Jalur Gemilang yang betul sama ada di Internet atau pelbagai sumber lain.

Bendera itu yang berbintang lima bucu dan jukunya yang tidak cukup 14, sudah tentu bukan antara contoh yang tersedia dalam banyak sumber, jadi rekannya dibuat atau bentuknya diadakan.

Oleh itu, ia disengajakan, yakni dilakukan secara sedar.

Lagipula, sebagai rakyat Malaysia, kita pasti boleh dengan cepat dan mudah mengenali Jalur Gemilang yang sebenar.

Adakah ia sekadar cubaan pihak tertentu secara halus untuk menguji sensitiviti masyarakat Malaysia?

Tidak dapat dinafikan kemungkinan ini wujud. Ini kerana, kebelakangan ini, banyak hal yang dipersetujui bersama-sama pada Perjanjian Kemerdekaan atau secara longgarnya dikenal sebagai Kontrak Sosial, sering dipertikai untuk dicabuli.

Kalau itulah isunya, maka sudah sampai masanya Kontrak Sosial itu dibincang semula secepat mungkin, untuk difahami serta disayati dan dihargai, khususnya golongan muda, agar semua yang dipersetujui itu diterima baik dan terus dianggap relevan pada masa hadapan.

Pemahaman mengenai Kontrak Sosial ini penting supaya sensitiviti semua pihak dihormati bagi mengurangkan perasaan syok wasangka antara kaum, khususnya di Semenanjung.

Banyak yang berlaku sebelum ini membolehkan penghinaan terhadap Jalur Gemilang. Mengapa ia berlaku?

Memang benar, sudah banyak kejadian negatif yang berlaku pada Jalur Gemilang.

Ia pernah digantikan dengan bendera lain iaitu Sang Saka Malaya, sewaktu perayaan Hari Kemerdekaan 2013, dihancurkan terbalik, ditukar warna jalur putihnya kepada hitam dan terbaharu diberikan corak lain.

Yang sangat menyedihkan, ia dilakukan warganegara kita sendiri. Pada 2016, penghinaan Jalur Gemilang

dilakukan sekumpulan lelaki asing yang sengaja memamerkan seluar yang mempunyai bendera Malaysia, semasa meraikan kejayaan acara sukan di Sepang.

Pada saya, semua ini berlaku dan berulang kali dilakukan kerana tiada tindakan tegas diambil terhadap pesalah. Hukuman sodia ada pula sekadar dalam bentuk denda kecil dan dianggap terlalu ringan, sehingga langsung tidak menamatkan mereka yang berniat jahat terhadap Jalur Gemilang.

Selepas penghinaan terhadap Jalur Gemilang, pihak berkaitan akan meminta maaf. Pada masa yang sama, tiada tindakan tegas diambil?

Budaya melakukan kesalahan, sama ada sengaja atau tidak, kemudian meminta maaf selepas timbul kemarahan dan tekanan awam, perlu dihentikan.

Setiap kali wujud kesalahan sebegini, tidak dinafikan keharmonian sosial menjadi tegang.

Ketegangan ini tidak boleh kita anggap sebagai akan selalu stabil, yakni ia bakal reda dan dilupai dengan masa yang berlalu.

Sebaliknya, perkara ini perlu dilihat sebagai bom jangka yang boleh meletup kerana apabila sudah terlalu banyak kesalahan terkumpul tidak diselesaikan melalui tindakan tegas, ia boleh membawa kepada suasana kurang harmoni.

Dengan kata lain, sepatutnya selepas ini tiada lagi permohonan maaf tetapi hanya tindakan dari segi perundangan yang perlu diambil, asalkan terbukti wujudnya perbuatan menyalahi undang-undang.

Perluakah digubal undang-undang untuk hukuman berat terhadap pesalah 'tidak patriotik'? Di negara lain, seperti Thailand, hukuman bagi pihak yang menghina negara sendiri amat berat.

Sungguh malang sekali selepas merdeka 62 tahun dan 56 tahun penubuhan Malaysia, kita jelas memerlukan perundangan 'lese majeste' yakni undang-undang yang menjadi kesalahan apabila maruah dan kedaulatan sesebuah pemerintahan itu dihinakan dalam apa-apa jua cara.

Sebelum ini kita tidak memerlukannya kerana mempunyai keyakinan penuh membabitkan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara seperti mana yang ditekanakan kepentingannya dalam Iktuan Negara.

Namun, melalui perkembangan terkini, dengan adanya pihak biadab yang semakin banyak, lantang dan berani, sudah tiba masanya perundangan sedemikian digubal.

Bagaimana Prof melihat tindakan diambil kerajaan dalam isu ini?

Perundangan lese majeste ini diperlukan untuk pertamanya, menjaga kedaulatan institusi pemerintahan itu sendiri, baik raja mahupun perlembagaan negara.

Institusi ini penting kerana ia melambangkan cara negara ini ditadbir dan cara kita yang pelbagai kaum ini bernegara.

Melalui perundangan ini, kerajaan dalam usaha menjaga keharmonian sosial dan perpaduan nasional, akan lebih berwibawa melalui tindakan lebih tegas yang boleh dikenakan kepada pesalah.

Sebenarnya, penghinaan terhadap raja dan negara ini turut mempunyai impak kepada ketenteraman awam, dalam konteks kesejahteraan rakyat yang keharmonian sosialnya akan terjejas dan boleh menjurus kepada perpecahan.

Oleh itu, hukuman dari segi undang-undang hendaklah dalam bentuk diperjarakan dan sebatan mandatori. Tiada lagi denda walaupun dalam jumlah yang besar selain tiada ikat jamin langsung sementara menunggu perbicaraan di mahkamah.